SAMPEL PERCUMA

Soalan Penulisan Bahasa Melayu Tahun 4 + Contoh Jawapan

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 4

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 4 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >


nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAHAGIAN A
[10 *markah*]
[*Masa dicadangkan* : 15 *minit*]

Gambar di bawah menunjukkan kepentingan komputer dalam kehidupan normal baharu.

Tulis **lima** *ayat yang lengkap berdasarkan gambar di bawah.*



1. _____

_____

2. _____

_____

3. _____

_____

4. _____

_____

5. _____

_____


[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B
[15 *markah*]
[*Masa dicadangkan* : 25 *minit*]

Gambar rajah di bawah menunjukkan kegunaan pokok pisang dalam kehidupan kita.

Tulis ulasan tentang **kegunaan pokok pisang** *dalam bentuk perenggan.*

Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



BAHAGIAN C
[25 *markah*]
[*Masa dicadangkan* : 35 *minit*]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** *sahaja.*

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Pada cuti penggal persekolahan yang lalu, kamu telah melawat dusun buah-buahan datuk kamu. Sepanjang berada di dusun tersebut, kamu telah berbual tentang kebaikan makan buah-buahan tempatan.

Tuliskan perbualan bersama datuk kamu tentang kebaikan makan buah-buahan tempatan.

ATAU

Soalan 2

Bunga melati bunga raya,
Kembang mekar cantik berseri;
Niat hati ingin berjaya,
Nama dilakar serata negeri.

Pantun di atas mengenai semangat ingin cemerlang dalam pelajaran oleh seseorang murid.

Tuliskan karangan tentang cara-cara untuk menjadi murid yang cemerlang dalam pelajaran.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN C
[25 markah]
[Masa dicadangkan : 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.*
*Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.*

Soalan 1



Kamu bersama dengan ibu bapa kamu ke sebuah pasar malam.

Tulis sebuah karangan berkaitan dengan pengalaman kamu berada di pasar malam itu.

ATAU

Soalan 2

Kamu telah berkunjung ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada cuti yang lalu. Tulis surat kepada sahabat kamu untuk menceritakan pengalaman kamu ke pesta buku tersebut.

Tulis surat kamu itu selengkapnya.

[Lihat halaman sebelah

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. Komputer sangat berguna dalam kehidupan normal baharu manusia pada hari ini kerana membantu untuk memudahkan pencarian maklumat di Internet.

2. Selain itu, komputer banyak digunakan di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta kerana memudahkan urusan kerja staf dan pelanggan.

3. Murid-murid sekolah pula menggunakan komputer untuk melengkapkan tugasan yang diberi oleh guru seperti penggunaan 'Google Classroom.'

4. Mereka yang berada di perantauan seperti pelajar di luar negara dapat berhubung dengan keluarga menggunakan aplikasi seperti Facebook untuk berkomunikasi dengan lebih mudah, murah dan cepat.

5. Komputer juga menyediakan aplikasi permainan atas talian dan tontonan video yang lebih realistik kerana kita boleh mengakses pelbagai sumber baharu melalui capaian Internet.

BAHAGIAN B

Gambar rajah menunjukkan kegunaan pokok pisang. Antaranya ialah daun pisang digunakan sebagai pembalut nasi lemak. Selain itu, batang pokok pisang pula berfungsi sebagai rakit ketika musim tengkujuh. Di samping itu, buah pisang yang telah masak boleh dimakan begitu sahaja kerana kaya dengan karbohidrat. Buah pisang juga boleh digoreng untuk dijadikan kerepek pisang yang sangat sedap dan rangup. Akhir sekali, sayur lemak jantung pisang merupakan menu makanan yang rasanya sangat enak dan lazat. Kesimpulannya, pokok pisang memberikan banyak manfaat kepada kehidupan seharian kita.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN C

Soalan 1

Aidil : Wah, lebatnya buah durian itu!

Datuk : Ya, buah durian itu berbuah mengikut musimnya. Terdapat beberapa batang pokok durian lagi di sebelah sana.

Aidil : Datuk, mengapa kita digalakkan makan buah-buahan tempatan?

Datuk : Makan buah-buahan tempatan banyak kebaikkannya. Antaranya ialah buah-buahan tempatan lebih berkhasiat dan segar. Hal ini kerana buah-buahan tempatan ditanam di negara kita sendiri. Justeru itu, kita tidak perlu import dari negara luar yang akan mengambil masa untuk sampai ke Malaysia.

Aidil : Patutlah datuk dan nenek mengusahakan buah-buahan tempatan. Apa lagi kebaikannya, datuk?

Datuk : Selain itu, makan buah-buahan tempatan juga dapat memacu industri pelancongan di Malaysia. Kalau Aidil hendak tahu, pada minggu lepas, sekumpulan pelancong dari negara Jepun datang ke kebun datuk untuk merasai nikmat buah durian 'Musang King'. Oleh itu, pelancong ini akan memberitahu akan nikmat buah durian tersebut kepada saudara-mara dan rakan-rakan mereka pula nanti.

Aidil : Bolehkah buah-buahan ini membantu ekonomi negara, datuk?

Datuk : Kita dapat membantu untuk menjana ekonomi negara di mana datuk akan melebarkan sayap perniagaan untuk mengeksport buah durian 'Musang King' ke luar negara terutamanya negara China. Bukan itu sahaja, datuk boleh mengupah penduduk kampung untuk bekerja dengan datuk.

Aidil : Wah, selepas ini bolehlah Aidil bantu datuk selalu di kampung!

Datuk : Tentulah boleh. Bagus cucu datuk!

BAHAGIAN C

Soalan 1

Sebaik-baik sahaja selesai menikmati hidangan makan malam, ibu dan bapa mengajak saya pergi ke pasar malam yang terletak tidak jauh dari rumah saya. Kami ke sana dengan berjalan kaki dan mengambil masa selama 10 minit sahaja.

Setibanya di sana, saya dapati orang ramai telah pun berasak-asak berjalan di antara gerai-gerai yang terdapat di pasar malam tersebut. Mereka terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, India dan Cina. Suasana pada ketika itu riuh-rendah dengan orang ramai yang mengunjungi pasar malam itu.

Ibu membeli sayur-sayuran segar yang dijual di situ kerana harganya sangat berpatutan. Saya mengambil kesempatan untuk pergi ke gerai bersebelahan untuk membeli ayam goreng berempah. Kedengaran suara para penjual berteriak memanggil para pelanggan supaya membeli barang-barang di gerai mereka.

Kami terpaksa berjalan perlahan-lahan kerana keadaan di pasar malam sungguh sesak. Semasa berjalan, kami terserempak seorang peminta sedekah yang kudung kakinya, duduk di atas jalan raya sambil menadahkan tangannya untuk meminta sedekah daripada orang ramai yang lalu-lalang di situ. Saya begitu bersimpati dengan peminta sedekah itu, dan menghulurkan wang sebanyak RM5.00, lalu beredar dari situ.

Selepas itu, ibu saya membeli beberapa helai baju yang digemarinya. Ayah membeli beberapa biji buah durian. Saya membeli dua keping apam balik, selonggok jagung rebus dan sebungkus kacang kuda untuk dibawa pulang ke rumah. Pada ketika itu, orang ramai yang berada di pasar malam itu mulai berkurangan dan suasana mulai agak sunyi serta para peniaga juga mulai mengemas barang-barang mereka.

Kami pun pulang ke rumah sambil menjinjing beg plastik yang dipenuhi dengan barang-barang yang kami beli. Sesungguhnya pengalaman pergi ke pasar malam bersama ibu dan bapa saya sememangnya amat menyeronokkan.

[Lihat halaman sebelah

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 4

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 4 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar